

28/02/2001

Ahli tentukan kesudahan kemelut kuasa MCA

Jamhariah Jaafar; Teh Kean Kiat

KEMELUT dalam MCA kini memasuki peringkat 'gencatan mesyuarat' apabila segala usaha untuk meleraikan kekusutan pergelutan kuasa terus menemui jalan buntu.

Ketegangan di antara dua pemimpin tertingginya, Presiden, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, dan Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek, berlarutan dan semakin kusut apabila penyokong kedua-duanya mula berpihak secara lantang dan jelas.

Perbincangan sulit untuk meleraikan kemelut dalaman, terutama agenda peralihan kuasa yang diadakan sejak setahun lalu, juga terpaksa digantung berikutan kedua-dua pemimpin itu terus bertarik tali dalam membuat keputusan untuk berundur.

Menyusur kembali sejarah pertelingkahan, ia boleh dikatakan berpunca daripada janji Dr Ling kepada Lim yang melepaskan jawatan Menteri Sumber Manusia dan Ahli Parlimen Bentong pada pilihan raya umum lalu, bagi memberi laluan kepada anak didiknya, Datuk Chan Kong Choy, yang juga Naib Presiden MCA, untuk memegang jawatan menteri penuh.

Lim dikatakan 'mengamuk' apabila Dr Ling didakwa mungkir janji kerana Chan terus diberi jawatan Timbalan Menteri Kewangan sedangkan tiga lagi Naib Presiden yang disifatkan sebagai orang kuat Presiden, iaitu Datuk Chua Jui Meng, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Dr Fong Chan Onn, diberi jawatan menteri.

Pertentangan itu boleh diibaratkan sebagai 'MCA Johor lawan MCA Pahang' kerana, walaupun Chua yang juga Menteri Kesihatan dan Pengerusi MCA Kedah, beliau adalah anak kelahiran Johor.

Lim enggan menerima hakikat bahawa keputusan Dr Ling itu berdasarkan kepada keputusan pemilihan parti lalu, yang Chan menduduki senarai keempat.

Dengan MCA hanya diperuntukkan empat kerusi menteri dalam Kabinet, keputusan Dr Ling itu menjadikan keempat-empat jawatan menteri dipegang oleh anak Johor.

Lim dan penyokongnya sudah tentu tidak dapat menerima keputusan yang boleh disifatkan sebagai kenegerian dan meminggirkan penyokong bekas Menteri Sumber Manusia itu daripada arus perdana BN.

Justeru, mereka bertegas satu daripada empat jawatan menteri itu mesti diserahkan kepada anak Pahang, iaitu Chan, yang dilihat sebagai pengganti Lim bagi mengukuhkan kedudukan kelompok dari Pahang dalam senarai kepimpinan tertinggi MCA.

Krisis kepimpinan MCA itu mencapai kemuncak apabila Dr Ling mengejutkan semua pihak dengan mengumumkan keputusan untuk meletak jawatan Menteri Pengangkutan pada 22 Mei lalu.

Kocakan itu turut menggugat barisan kepimpinan BN apabila ada desakan supaya kuota menteri untuk MCA ditambah berikutan BN dikatakan terhutang budi dengan masyarakat Cina pada pilihan raya umum lalu.

Bagaimanapun, desakan itu tidak dapat diterima oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana sedar tuntutan seumpama hanya akan memburukkan keadaan.

Selepas menerima pujukan dan nasihat pelbagai pihak, termasuk daripada puak Lim sendiri, Dr Ling menarik balik keputusan berkenaan.

Kemudian, kedua-dua pemimpin tertinggi MCA itu berjanji berusaha menyelesaikan masalah berkenaan secara tertutup demi perpaduan parti.

Perbincangan secara tertutup diadakan dengan dua tokoh veteran MCA, Tan

Sri William Chek, dan Datuk Dr Sak Cheng Lum, menjadi orang tengah. Namun ternyata, perbincangan yang berlanjutan hampir setahun itu gagal mencapai sebarang persetujuan, malah kemelut itu semakin serius.

Antara formula yang dikemukakan ialah persaraan Lim sepenuhnya daripada parti dan tempatnya diisi oleh Chan.

Lim pada awalnya dipetik sebagai berkata, beliau sanggup melepaskan jawatan berkenaan, dengan syarat beliau boleh melantik bakal penggantinya.

Mengikut perkiraannya, sesiapa yang menggantikan beliau sebagai Timbalan Presiden, sudah pasti memegang jawatan menteri sekiranya ada kekosongan dalam Kabinet.

Bagaimanapun, ironinya ialah pengorbanan Lim itu, jika direalisasikan, mungkin tidak membuahkan hasil yang dihasratkan kerana setakat ini, Dr Mahathir hampir pasti tidak akan menambah kuota menteri untuk MCA.

Justeru, sebarang pelantikan dalam Kabinet memerlukan seorang daripada empat menteri yang ada meletak jawatan.

Tetapi, faktor yang benar-benar membantutkan hasrat Lim untuk mengumumkan keputusan peletakan jawatannya ialah tindakan kira-kira 300 ahli MCA Johor yang berjumpa Dr Ling di Batu Pahat pada 11 Februari lalu, untuk menyuarakan sokongan dan taat setia kepada Presiden mereka.

Memburukkan keadaan ialah kumpulan itu didakwa mengkritik Lim kerana meletak pelbagai syarat ketika mengadakan rundingan, termasuk mendesak Dr Ling menetapkan tempoh untuk beliau meletak jawatan sebagai Presiden.

Keadaan semakin gawat apabila lebih ramai penyokong Dr Ling, termasuk dari Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Kelantan, menyuarakan sokongan mereka secara terbuka.

Justeru, Chek dan Dr Sak ternyata tidak mempunyai pilihan kecuali menghentikan sebarang usaha rundingan susulan bagi membolehkan mereka mengkaji sejauh mana 'kerusakan yang berlaku' serta menyiasat golongan yang cuba mengeksploitasi keadaan.

Mereka dipetik sebagai berkata, keadaan kini semakin mengelirukan dan hampir mustahil sebarang persefahaman dapat dicapai antara kedua-dua pihak.

Kedua-dua mereka turut kecewa melihat ahli parti kini menuding jari, berbahas mengenai kemelut kuasa serta membuat pelbagai spekulasi yang semakin memburukkan keadaan.

Menyedari hal itu serta sebarang formula yang dikemukakan hanya akan sia-sia, Chek dan Dr Sak akhirnya membuat keputusan supaya keputusan muktamad diserahkan kepada Jawatankuasa Pusat (CC) atau perwakilan dalam Mesyuarat Agung MCA, Ogos ini, untuk diperdebat dan dicari formula penyelesaian yang boleh diterima semua pihak.

Sementara itu, pemerhati berpendapat perbincangan antara orang tengah dengan kedua-dua pemimpin tertinggi itu tidak patut diadakan kerana Perlembagaan MCA dengan jelas menggariskan bahawa keputusan muktamad terletak di tangan perwakilan, bukannya dibuat oleh mana-mana individu.

Justeru, walau apapun hasil dan keputusan yang diperoleh daripada perbincangan sulit itu, ia harus melalui persetujuan CC dan keputusan muktamad terletak di tangan perwakilan pada pemilihan parti setiap tiga tahun.

Jadi, sekiranya terdapat sebarang kekosongan dalam parti sebelum pemilihan parti diadakan, calon itu hanya boleh memegang jawatan berkenaan tidak melebihi tiga tahun dan terpaksa menyertai pemilihan untuk menentukan 'nasibnya'.

Sejarah perselisihan faham di antara pemimpin tertinggi MCA ini sebenarnya wujud sejak tahun 70-an lagi. Dari zaman Tan Sri Lee San Choon, dan Tan Sri Lee Siok Yew, hingga Dr Ling dan Tan Sri Lee Kim Sai, kini giliran Dr Ling dan Lim pula.

Sempena ulang tahun ke-52 MCA, Ahad lalu, tumpuan terus terarah kepada

kedua-dua pemimpin tertinggi itu.

Adakah Dr Ling atau Lim boleh menyembunyikan dendam di hati dan kembali duduk semeja selepas ini demi perpaduan parti? Hanya mereka yang boleh menjawabnya.

Tetapi yang hampir pasti, tidak akan ada sebarang penyelesaian dapat dicapai sehingga ahli MCA memangkah kertas pemilihan tahun depan.

(END)